

MIC Mohon Satu Peruntukan Khas Di Bawah Belanjawan 2013
Bernama
8 September, 2012

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- MIC pada Sabtu memohon supaya kerajaan menyediakan lima peratus daripada Belanjawan 2013 sebagai satu peruntukan khas bagi kegiatan pembangunan untuk masyarakat India.

Presidennya Datuk Seri G.Palanivel berkata beliau mengemukakan permohonan itu dan satu senarai permintaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, baru-baru ini.

"Saya berharap Perdana Menteri akan mempertimbang permohonan kami.

"Peruntukan khas ini, jika diluluskan, akan digunakan bagi pelbagai projek pembangunan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat India, dari segi pendidikan dan pembangunan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran Jurubina India Malaysia kali pertama di Brickfields di sini.

Perdana Menteri akan membentangkan Belanjawan 2013 pada 28 Sept.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693076>